

# **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1995/96**

**Jun 1996**

**FIT 142 - Sistem Saraf Periferal**

**Masa: 3 jam**

---

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan dan 3 muka surat yang bertaip.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

(FIT 142)

1. Kebanyakan organ disarafi oleh kedua-dua sistem saraf simpatetik dan parasimpatetik. Huraikan bagaimana organ dapat berfungsi dengan baik dalam situasi demikian.

(20 markah)

2. Terangkan kesan vasokonstriksi pembuluh darah perifer ke atas fungsi jantung. Beri contoh drug yang boleh menghasilkan vasokonstriksi.

(20 markah)

3. (A) Terangkan langkah-langkah kimia untuk metabolisme 1-(3',4'-dihidroksifenil)-2-aminoetanol oleh monoamina oksidase (MAO) dan katekol-O-metiltransferase (COMT).

(10 markah)

(B) Bincangkan:

- (i) kontraksi tonik.
- (ii) kontraksi tetanus.

(10 markah)

.....3/-

(FIT 142)

4. (A) Terangkan dengan suatu gambarajah kimia yang sesuai:
- (i) Mekanisme tindakan farmakologikal 1,2,3,3a,8,8a-heksahidro-1,3a,8-trimetilpirolol[2,3-b]-indol-5-il metilkarbamat.
  - (ii) Biosintesis asetilkolina.
- (10 markah)
- (B) Huraikan asas pengkelasan reseptor-reseptor sistem saraf autonomik.
- (10 markah)
5. (A) Terangkan mengapa 6,7-dihidro-6-(2'-propenil)-5*H*-dibenz(c,e)azepina fosfat dan N,N-dibenzil- $\beta$ -kloroetilamina bertindak sebagai penghalang reseptor  $\alpha$ -adrenergik yang berbeza.
- (10 markah)
- (B) Huraikan pengkelasan drug-drug antimuskarinik dan beri satu contoh bagi tiap-tiap kelas.
- (10 markah)
6. Banding dan bezakan proses kontraksi otot skeletal dan tak berjalur.
- (20 markah)

oooOOOooo